

02 MAR 2003

Langkawi-Pusat

BRIGED BELIA WAWASAN SOKONG LANGKAWI JADI IBU NEGERI

ALOR STAR, 2 Mac (Bernama) -- Briged Belia Wawasan Langkawi menyokong penuh cadangan Perdana menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya Langkawi dijadikan pusat pentadbiran baru Kedah.

Presidennya Aziz Desa berkata pulau lagenda itu memang sesuai untuk dijadikan ibu negeri memandangkan Langkawi mempunyai beberapa kemudahan yang bertaraf antarabangsa.

"Oleh itu, kerajaan negeri diharap dapat mengambil inisiatif dengan segera supaya merealisasikan Langkawi sebagai pusat pentadbiran," katanya di sini hari ini.

Semalam, Dr Mahathir ketika merasmikan upacara pecah tanah fasa dua Underwater World Langkawi di Pantai Cenang, Langkawi, mencadangkan kerajaan negeri menjadikan Langkawi sebagai pusat pentadbirannya.

Aziz berkata sesuai dengan taraf Langkawi sebagai Bandaraya Pelancongan, cadangan Perdana Menteri itu perlu diberi perhatian oleh kerajaan negeri.

Selain itu, Aziz berkata briged belia itu juga menyarankan kerajaan pusat mengkaji semula projek pembinaan jambatan dari Kuala Perlis, Perlis ke Langkawi bagi memudahkan laluan dari tanah besar ke Langkawi.

Cadangan pembinaan jambatan itu pernah dikemukakan oleh bekas Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid.

Aziz berkata jarak antara Kuala Perlis ke Langkawi lebih dekat berbanding jarak antara Kuala Kedah ke Langkawi dan menjadikan pembinaan jambatan di situ lebih realistik.

Perjalanan dari Kuala Kedah ke Langkawi dengan bot mengambil masa hampir dua jam manakala dari Kuala Perlis ke Langkawi hanya mengambil masa 45 minit.

Semasa penjajahan British, Sungai Petani merupakan pusat pentadbiran negeri Kedah sebelum berpindah ke Alor Star.

-- BERNAMA

MNH LAT